



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

POLIGAMI MENURUT ISLAM  
DAN  
PERUNDANGANNYA DI NEGERI  
SARAWAK

DISEDIAKAN

O

L

E

H

HATTA BIN ALI

DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN  
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

SESSI 1992/1993

KANDUNGAN	HALAMAN
Penghargaan	
Pendahuluan	1
<b>BAB I: Tanggapan Umum Terhadap Poligami</b>	
1.1 Pemikiran Poligami Dari Masa Kesemasa	6
1.2 Keinginan Berpoligami	11
1.3 Akibat-Akibat Yang Lahir Tanpa Poligami	16
<b>BAB II: Perlaksanaan Undang-Undang Poligami Mahkamah Syariah Di Malaysia Sepintas Lalu</b>	<b>20</b>
1. Kelantan	21
2. Perak	23
3. Selangor dan Wilayah Persekutuan	24
4. Pahang	30
5. Melaka	31
6. Pulau Pinang	32
7. Kedah	33
8. Perlis	34
9. Terengganu	35
10. Negeri Sembilan	35
11. Sabah	37
<b>BAB III: Poligami Menurut Islam</b>	
111.1 Syarat-Syarat Poligami	40
111.2 Hikmat Pengharusan Poligami	44
111.3 Tujuan Perkahwinan Rasulullah (s.a.w) Berpoligami	47
<b>BAB IV: Sejarah Ringkas Perlaksanaan Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak</b>	<b>59</b>
A. Zaman Sultan Brunei	62
B. Zaman Raja Brooke	63
C. Zaman Jepun	65
D. Zaman British	66

<b>BAB V: Pelaksanaan Undang-Undang Poligami Mahkamah Syariah Order 1985 dan Pindaan 1991</b>	<b>71</b>
Penutup	89
Lampiran	92
Bibliografi	111

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji dipanjatkan hanya kepada Allah pencipta alam semesta. Sesungguhnya Allahlah yang Maha mengetahui lagi yang Maha bijaksana. Selawat dan salam disampaikan keatas junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W.) yang telah menyinari alam dan segala penghuninya dari kegelapan dan kesesatan, Amin.

Atas taufiq dan hidayah Allah, kertas projek bertajuk Poligami menurut Islam dan Perundangannya dinegeri Sarawak ini dapat saya siapkan sekadar kemampuan saya yang amat terbatas demi memenuhi syarat yang diperlukan oleh pihak Universiti Islam Antara Bangsa bagi menyempurnakan Kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam sesi 1992 - 1993.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih khususnya kepada penyelia saya yang budiman Ayahanda Us. Hj. Muhammad bin Hj. Abu Bakar yang telah berusaha dan bertungkus lumus memberi bantuan dan bimbingan dalam menjayakan kertas projek saya ini.

Tak lupa juga kepada rakan-rakan sekorja di Mahkamah Syariah Sarikci Kuching dan Bintulu yang telah membantu memberi, bahan-bahan rujukan yang diperlukan, membantu menaip, memphotosta dan membukukan kertas ini. Demikian juga kepada Pensyarah-pensyarah DAIJ pihak Library U.I.A dan juga kepada rakan-rakan seperjuangan pelajar DAIJ yang telah memberi pandangan, dalilog dan nasihat dirakam setinggi terima kasih.

Akhirnya kepada semua pihak yang telah membantu baik secara

langsung ataupun tidak langsung sehingga kertas projek ini  
disiapkan, saya ucapkan ribuan terima kasih diatas sumbangan  
anda itu. Hanya kepada Allah jua diserahkan segala urusan,  
semuga kekal meredhai segala amal bakti kita.

Wassalamualaikum wr. wb.,

Yang benar,



(HATTA ALI)  
Kadi Bahagian Sarikei.

Sarikei 1 Zulhijjah 1413H

22 Mei 1993M

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan.

Poligami dalam Islam dan perundangannya di negeri Sarawak adalah tajuk bagi kertas projek ini.

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana peranan poligami itu dapat difahami dan diterima oleh masyarakat sebagai ajaran Islam dan sunnah Nabi (s.a.w.). Kajian ini juga adalah untuk meneliti dan melihat undang-undang atau peraturan yang terdapat di dalam bidang kuasa poligami yang telah dan sedang dilaksanakan di setiap negeri di Malaysia. Khususnya difokaskan di dalam undang-undang poligami yang terdapat di negeri Sarawak.

## 1.2 Tujuan.

Kajian ini ditulis adalah bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Diploma Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam (DAIJ) dari Universiti Islam Antarabangsa bagi sesi 1992/1993.

Rasional pemilihan tajuk adalah sebagai memandangkan ianya sangat perlu diungkapkan dan dibongkar segala rahsia kebenarannya supaya poligami itu tidak dilabelkan dengan tanggapan yang negatif. Sebabnya apabila kita memperkatakan tentang poligami, kita hendaklah memahamkan dan meyakinkan bahawa poligami itu bukan hasil dari perahan fikiran manusia yang boleh kita pertikaikan pro dan kontra mengenainya. Tetapi hendaklah kita yakinkan ianya adalah dari Allah yang maha adil lagi yang maha bijaksana dan merupakan sunnah Rasulullah s.a.w. Konsep poligami dalam Islam bukanlah merupakan satu amalan primitif. Ianya tidaklah boleh disandarkan dengan amalan kaum-kaum

primitif yang terjadi di Pulau New Guinea ataupun dikalangan orang bukan Islam berkulit hitam di Afrika atau di negara-negara lain. Pada mereka bilangan isteri yang banyak adalah lambang kemegahan, kekayaan dan kekuatan. Perempuan-perempuan dikahwini dengan wang hantaran yang ditetapkan termasuk binatang. Suami menjadi seumpama raja yang memerintah, manakala isteri-isteri bekerja untuk menyara diri dan si suami.

Menurut Islam isteri adalah amanah Allah (s.w.t.) yang dipertanggungjawabkan kepada suami melalui pernikahan yang sah. Suami wajib memberi nafkah hidup dan mengurus rumahtangga. Semakin banyak isteri yang dikahwini maka semakin beratlah tanggungan suami yang perlu dipikul dan ditunaikan.

Poligami adalah merupakan satu hukum yang diharuskan oleh Allah (s.w.t.) yang boleh dilakukan dengan syarat-syarat tertentu demi untuk menyelesaikan masalah sosial yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat untuk memberi perlindungan dan belaian kepada kaum wanita seperti membela nasib wanita yang telah berumur dan menjadi janda, membela anak-anak yatim kematian ayah, memberi peluang wanita merasai hidup berkeluarga dan dengan demikian dapat memperpanjangkan institusi kekeluargaan mereka serta dapat menguatkan ikatan mahabbah dan kasih sayang diantara mereka.

Penyelesaian masalah yang berkaitan poligami bukanlah sesuatu yang merumitkan, pokok pangkalnya asalkan setiap orang memahami amanah yang dipikulkan di atas bahu mereka. Jadi keharusan poligami bukanlah punca sosial sebenarnya, tetapi berpunca daripada golongan manusia yang berkahwin semata-mata kerana runtunan nafsu.

### 1.3 Skop dan Sistematika Kajian.

Kajian kertas projek ini secara keseluruhannya adalah merupakan kajian mengenai poligami dalam Islam. Tumpuan kajian adalah mengenai pelaksanaan poligami yang diamalkan oleh bangsa, kaum atau Agama tertentu sama ada yang terdapat dalam zaman sebelum Islam mahupun sesudah Islam dengan membuat perbandingan menurut kehendak poligami mengikut wahyu Ilahi dan sunnah rasulullah (s.a.w.) Juga ditekankan kepada pelaksanaan peraturan atau undang-undang poligami menurut enekmen atau undang-undang setiap negeri di Malaysia umumnya dan khususnya difokaskan dalam ordinan poligami Negeri Sarawak.

Penulis membahagikan penulisan ini kepada 5 bab.

- Bab 1 - Ialah mengenai tanggapan umum terhadap poligami.
- Bab 2 - pula ialah mengenai pelaksanaan undang-undang poligami seluruh negeri di Malaysia sepintas lalu.
- Bab 3 - menerangkan poligami menurut Islam.
- Bab 4 - Mengenai sejarah pelaksanaan undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak.
- Bab 5 - ialah mengenai pelaksanaan undang-undang poligami Mahkamah Syariah Order 1985 dan Pindaan 1991.

Dalam bab 1, penulis cuba menerangkan tentang tanggapan umum terhadap poligami dengan membawa penerangan tersebut dibawah

tajuk-tajuk kecil seperti berikut:

- 1.1 Pemikiran poligami dari masa ke semasa.
- 1.2 Mengenai keinginan berpoligami.
- 1.3 Menerangkan akibat-akibat yang lahir tanpa poligami.

Didalam bab 2, penulis cuba menerangkan kepada umum tentang perjalanan atau perlaksanaan undang-undang poligami yang dilaksanakan disetiap negeri di Malaysia kecuali Negeri Sarawak dibincangkan dalam bab seterusnya. Negeri-negeri yang dimaksudkan itu ialah Kelantan, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu, Melaka, Pahang, Sabah, Negeri Sembilan dan Johor.

Didalam bab 3 pula penulis cuba menghuraikan tentang poligami menurut Islam dengan membawa penjelasan seterusnya di bawah tajuk kecil seperti berikut:

- 3.1 Menerangkan syarat-syarat poligami.
- 3.2 Hikmat pengharusan poligami.
- 3.3 Menjelaskan tujuan perkahwinan Rasulullah (s.a.w.) berpoligami.

Kemudian didalam bab 4 pula penulis ingin menjelaskan sejarah ringkas perlaksanaan undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak yang dilaksanakan di bawah zaman pemerintahan Sultan Brunei kemudian di bawah pemerintahan Raja Brooke dan seterusnya di bawah pemerintahan Tentera Jepun dan akhir sekali di bawah

pemerintahan British. Tumpuan juga dijelaskan di dalam pelaksanaan poligami dizaman-zaman tersebut.

Akhir sekali didalam bab 5 pula penulis ingin menjelaskan perjalanan dan pelaksanaan undang-undang poligami sesudah merdeka iaitu undang-undang poligami Mahkamah Syariah Order 1985 dan pindaannya pada tahun 1991.

Saya mengakui bahawa tulisan ini banyak keterangan dan kesilapan yang perlu diperbaiki. Diatas segala kelemahan, kesilapan dan kemampuan saya yang amat terbatas ini, saya memohon berbanyak-banyak kemaafan.

Akhir kata saya rakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada penyelia saya yang budiman yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta panduan di dalam menolong menyiapkan kertas projek ini. Begitu juga tak lupa diucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan pengajian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang terlibat atau tidak khususnya dari pihak-pihak Universiti Islam Antarabangsa yang telah sudi membantu kertas projek saya ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

## BAB I

### TANGGAPAN UMUM TERHADAP POLIGAMI

#### 1.1. PEMIKIRAN POLIGAMI DARI MASA KESEMASA

Islam bukanlah agama yang terawal sekali mengharuskan poligami. Islam mengatur undang-undang poligami menurut keperluan dan meletakkan hukumannya dengan jelas supaya mudah dituruti. Menurut Dr. Mustafa As-Sibaiy didalam salah sebuah bukunya yang telah diterjemahkan oleh Halimuddin berjudul Wanita Menurut Syarat Islam Dan Beradapan Moden menjelaskan bahawa poligami sudah wujud hampir diseluruh kalangan bangsa yang hidup pada zaman purba lagi. Dikalangan bangsa Yunani dizaman kejayaan Athema, dikalangan bangsa China, India, Kerajaan Baby Lonia, Kerajaan Assyria, Kerajaan Mesir dan lain-lain bangsa didunia. Poligami dikalangan mereka berlaku tanpa batasan.

Agama Yahudi membolehkan poligami tanpa batasan. Nabi-nabi yang nama mereka tersebut dalam kitab Taurat semuanya berpoligami tanpa pengecualian. Ada keterangan-keterangan dalam kitab Taurat menyatakan bahawa nabi Sulaiman (a.s.) mempunyai 700 orang isteri yang menderhaka dan 300 orang isteri yang berasal dari hamba.

Tidak ada keterangan jelas dalam agama Kristian yang melarang poligami. Yang ada hanya kata-kata berbentuk nasihat menyatakan Allah mencipta seorang isteri untuk tiap seorang lelaki itu memadai dengan seorang perempuan dalam keadaan normal.

Tercatat dalam sejarah bahawa umat Kristian pada zaman dahulu ada yang bernikah lebih daripada seorang isteri dan ada di antara ketua-ketua gereja yang mempunyai banyak isteri. Pada masa permulaannya agama Kristian membolehkan berpoligami dalam keadaan-keadaan yang tertentu dan tempat-tempat tertentu.

Wester Mark seorang pakar yang khusus dalam sejarah perkahwinan menyatakan bahawa poligami dengan pengakuan gereja berlaku hingga ke abad 17. Poligami berulang kali terjadi dalam suasana yang sama sekali tidak diperhitungkan oleh gereja dan negara.

Menurutnya lagi Daiyarmacedat, raja Irlandia mempunyai dua orang isteri menderhaka dan dua orang isteri daripada hamba.

Di kalangan bangsa Meroving, poligami terjadi berulang kali pada abad-abad pertengahan. Charlemagne juga berpoligami. Philips dari Ophesus dan Federik William II dari Prusia juga berpoligami dengan persetujuan pendeta-pendeta pengikut Martin Luther. Martin Luther sendiri membenarkan perbuatan tersebut. Nabi Ibrahim (a.s.) yang mempunyai dua orang isteri adalah contoh yang paling elok dan ideal bagi orang-orang Kristian.

Di kalangan beberapa golongan umat Kristian pula menetapkan kewajipan berpoligami. Pada tahun 1531 Masihi, gereja lama 'Madan' di Monster telah membuat propaganda secara berterang-terangan bahawa seorang Kristian yang betul-betul Kristian harus mempunyai beberapa orang isteri. Menurut gereja Mormon, poligami adalah peraturan perkahwinan yang kudus daripada ketetapan Ilahi.

Menurut George Zaidan, dalam agama Kristian tidak ada keterangan yang jelas melarang pengikutnya berpoligami. Tetapi ketua-ketua gereja pada masa yang lalu menetapkan seorang isteri

untuk menjaga kerukunan rumahtangga seperti yang terjadi dikalangan bangsa Romawi. Kemudian mereka membawa idea itu dalam mentafsirkan ayat-ayat perkahwinan dalam kitab suci mereka, menyebabkan akhirnya poligami menjadi sesuatu yang dilarang.

Islam telah mengatur kehidupan manusia dan menetapkan bahawa empat orang isteri itu adalah bilangan maksimum bagi seorang lelaki itu diharuskan berkahwin.<sup>1</sup> Bilangan empat orang itu adalah had di mana seorang suami itu mempunyai kemampuan yang paling maksimum untuk memberi perhatian atau melakukan keadilan serta tanggungjawab ke atas isteri-isteri dan keluarga.

Sebelum Islam, orang-orang Arab Jahiliah berkahwin menurut kehendak sendiri tanpa undang-undang yang menyekat. Kaum lelaki dapat memperlihatkan keunggulan diri dengan mengahwini banyak perempuan. Di kalangan mereka, perempuan dijadikan sebagai alat mencari rezeki dan untuk menyara hidup. Menurut undang-undang mereka, perempuan tidak mempunyai hak yang boleh dituntut. Malah kalau suami meninggal dunia, isteri-isteri yang tinggal dijadikan harta pusaka.

Dikalangan mereka terdapat perkahwinan *al-badal* (ditukar-tukar isteri), perkahwinan *mut'ah* (kahwin sementara) dan *nikahu 'i-mugti* (pernikahan membolehkan anak lelaki sulung mempusakai isteri ayahnya setelah ayahnya meninggal).

---

1. Allah (s.w.t) mengharuskan Rasulullah (s.a.w) berkahwin lebih daripada 4 orang isteri atas muslihat-muslihat tertentu.

Islam telah lahir mengatur kehidupan manusia dengan begitu sempurna dan meletakkan taraf perempuan ke satu tahap yang paling maksimum. Ini bersesuaian dengan sifat-sifat mereka yang memerlukan belaian kasih sayang daripada suami dan keluarga. Mereka mempunyai hak yang boleh dituntut melalui undang-undang serta memainkan peranan dalam masyarakat. Isteri adalah pembentuk rumahtangga; di tangannya terletak kesejahteraan keluarga.

Menurut lumrahnya, anak-anak adalah lebih rapat dengan ibu pada kebanyakan waktu, sama ada waktu malam atau pun siang, terutamanya ketika suami keluar rumah mencari rezeki. Kerana itu, dalam keadaan apa sekalipun, isteri itu adalah sebahagian daripada keluarga, bukan barangan yang dipusakai. Isteri perlu ditaati oleh anak-anak yang lahir daripadanya dan dikasihi oleh suami. Syurga terletak di bawah tapak kaki ibu.

Islam telah mengatur kehidupan yang tidak sempurna yang berlaku secara berluas-luasan sebelum itu. Allah (s.w.t.) telah memerintahkan mereka yang mempunyai isteri lebih daripada 4 orang supaya menceraikan yang lain dan menetapkan empat sahaja.

Banyak hadis yang menerangkan hal yang demikian, di antaranya ialah hadis yang berbunyi:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ غَيْلَانَ بْنَ سَلَمَةَ التَّقْفِيَّ أَسْلَمَ  
وَلَهُ عَشْرُ نِسْوَةٍ فِي أَجَاهِلِيَّةٍ وَأَسْلَمَ مَعَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمْسِكْ أَرْبَعًا وَفَارِقِ سَائِرَهُنَّ.

Ibn Umar meriwayatkan bahawa Ghailan bin Salamah ath-Thagafi telah memeluk Islam dan ia mempunyai sepuluh orang isteri pada zaman Jahiliah, dan mereka telah masuk Islam bersamanya, maka nabi Muhammad (s.a.w) telah bersabda: Engkau ambil empat sahaja dan ceraikan yang lainnya.

Sebuah hadis lain berbunyi:

عَنْ نَوْفَلِ بْنِ مُعَاوِيَةَ قَالَ أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَحْتِي خَمْسُ نِسْوَةٍ  
فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: فَارِقِ وَاحِدَةً وَأَمْسِكِ أَرْبَعًا.

Daripada Naufal bin Mu'awiyah ia berkata: Aku telah memeluk Islam dan aku mempunyai lima orang isteri, maka aku telah bertanyakan Nabi Muhammad (s.a.w), baginda menjawab; Ceraikan seorang dan pegang yang empat. (1)

---

1. Dr. Amran Kasimin, *Salahguna Poligami*; Pustaka Al-Mizan, 1990 hal 16.

## 1.2. KEINGINAN BERPOLIGAMI

A. Apabila persoalan ini dikemukakan maka natijahnya adalah seperti berikut:- Poligami ini ada baiknya dan ada pula buruknya. Memang monogami itu lebih baik, lebih mendekati fitrah manusia, lebih mengukuhkan hubungan keluarga. Maka oleh sebab itu sistem inilah yang dianjurkan dan yang harus dipegang teguh. Dan juga lebih terjamin keperibadian. Monogami ini mempunyai corak tersendiri, dan banyak kebaikannya.

Akan tetapi keperluan masyarakat terhadap poligami banyak sekali. Diantara perkara yang terpenting ialah meningkatnya jumlah perempuan, jauh lebih banyak dari lelaki dalam keadaan biasa. Sebagaimana yang terjadi dinegara-negara Eropah Utara. Perempuan yang lahir di daerah ini baik diwaktu perang atau damai jauh melampaui jumlah lelaki iaitu kira-kira tiap-tiap empat atau tiga orang anak yang lahir hanya seorang diantaranya yang lelaki. Demikian juga di India dan dimeratarata tempat didunia ini. Tidak ketinggalan dinegara kita ini Malaysia juga telah berlaku. Mengikut bancian akhir 1970 yang dikeluarkan dari Jabatan Perangkaan Negara bahawa wanita Melayu berjumlah 2,584,721 berbanding kaum lelaki 2,579,484. Kemungkinan bilangan wanita pada tahun 1990 an ini melebihi dari bilangan di atas. Ini dapat dibuktikan dimana-mana tempat kita pergi di Malaysia sama ada di bandar atau di kampung, di tempat kerja atau disekolah atau dimana-mana saja, wanita lebih ramai dari lelaki.

Berikut ialah penilaian bilangan wanita dan lelaki Melayu menurut negeri-negeri (Bancian Penduduk Malaysia 1970).<sup>(1)</sup>

---

1. Hj. Dasuki b. Hj. Ahmad, Poligami Dalam Islam. - Hal. 42

NEGERI	PENDUDUK-PENDUDUK YANG BERAGAMA ISLAM		
	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
JOHOR	339,094	345,557	684,651
KEDAH	336,999	339,718	676,717
KELANTAN	309,766	319,017	628,783
MELAKA	99,564	110,663	210,227
N. SEMBILAN	108,360	110,179	218,539
PAHANG	148,026	142,602	290,628
PENANG	125,656	124,348	250,004
PERLIS	47,502	48,615	96,037
SELANGOR	296,682	275,243	571,925
TERANGGANU	187,220	192,822	380,042
SABAH	136,337	124,608	260,945
SARAWAK	114,377	115,213	229,590
JUMLAH	2,579,484	2,584,721	5,164,250

Kaum wanita sebagai manusia, memang inginkan hidup dengan kesempurnaan hajat lahir dan batin. Perlu ditegaskan bahawa keinginan terhadap sifat keibuan adalah faktor terpenting bagi kehidupan wanita yang mahu terus membina mahligai hidupnya.

Selain daripada itu, poligami juga diharuskan bukan semata-mata untuk melepaskan nafsu syahwat, tetapi untuk menjaga keselamatan umat dan bangsa didunia ini. Kaum wanita akan lebih terhormat apabila berkahwin dengan jalan halal daripada pelacur atau perempuan simpanan yang tidak mempunyai apa-apa hak, baik untuk dirinya atau untuk anak-anaknya. Seorang perempuan itu juga lebih terhormat berkahwin daripada menjadi anak-anak dara

tua (andartu) atau janda tua tiada menikmati apa-apa tentang kehidupan ini.

Kiranya poligami tidak diharuskan, sedangkan dalam agama Islam ada hukum yang mengharuskannya, dinegara yang kita dipihak ini mengalu-alukan poligami bayangkan saja kiranya ia ditolak sudah barang tentu pelacuran dan zina tidak dapat dielakkan. Ini boleh dibuktikan dinegara Eropah hari ini. Walaupun kebanyakan kita mengagung-agungkan negara itu dari segi kemajuan ekonomi, pelajaran dan sosial tetapi apa yang ada disebalik tabir kemajuan itu hanyalah akhlak yang buruk yang benar-benar menjijikkan hati kecil seluruh manusia. Seterusnya pula jumlah lelaki itu sedikit dari perempuan akibat perang. Eropah sudah dua kali terlibat dalam perang dunia. Maka gugurlah berjuta-juta perempuan. Baik mereka yang masih perawan, mahupun mereka yang sudah pernah kahwin.

Pernah terjadi di Eropah, terutama di Jerman perempuan berdemonstrasi, menuntut supaya diperbolehkan poligami. Kerana mereka merasa takut akan apa yang mereka dengan dalam masyarakat di sana itu iaitu seseorang memelihara perempuan lain sebagai gundik. Akibat perang dan kerananya kekurangan lelaki maka tidak akan menurunkan lagi generasi untuk berkembang biak. Inilah suatu kerugian yang diderita oleh masyarakat Eropah sekarang ini. Oleh sebab itu maka salah satu jalan yang harus ditempuh ialah membolehkan kahwin poligami.

Herbart Spencer berkata, bahawa sekalipun berbeza-beza jalan pemikiran orang mengenai poligami ini namun kelihatannya poligami ini sangat diperlukan sekali oleh orang sekarang kerana lelaki banyak yang gugur dalam perang. Selanjutnya Spencer menulis dalam bukunya; Asal usul masyarakat dewasa ini ada kejadian yang tidak disangka-sangka mengenai suatu bangsa iaitu; banyaknya lelaki yang gugur dalam perang, ketika itu banyaklah

perempuan yang tidak bersuami. Akibatnya kurangnya jumlah anak-anak yang lahir, tidak seimbang lagi jumlah yang lahir dengan yang meninggal.

Bilamana terjadi peperangan, negara-negara yang terlibat dalam perang itu sama-sama banyak mengorbankan jiwa. Dalam hal ini lelaki yang terjun kemedan tempur. Kerana itu banyak yang gugur dan kerana itu juga banyak perempuan yang tidak bersuami. Arus kekurangan lelaki inilah sekarang yang melanggar Eropah. Bagaimana nasibnya perempuan, padahal perempuan inilah melahirkan semua lelaki.

#### B. KEINGINAN POLIGAMI BAGI PERSEORANGAN

Disini banyak hal yang mendorong seseorang itu melakukan berpoligami. Sebagai contoh kita sebutkan seperti berikut:-

**PERTAMA:** Isteri mandul, sedangkan si suami ingin mempunyai keturunan, keinginan mempunyai anak adalah satu naluri semulajadi pada diri tiap-tiap manusia. Bagaimanakah keinginan ini dapat diperolehi? Apakah dengan menceraikan isterinya yang mandul ini. Ataupun dia mengkahwini perempuan lain bagi menyelesaikan masalah ini. Tidak dapat disangkal lagi bahawa mengahwini seseorang perempuan lebih mulia, lebih berakhlak dan lebih bersopan daripada menceraikan isterinya yang telah ada.

Apabila masyarakat tahu bahawa isterinya yang diceraikan itu kerana mandul ini akan menutup peluang bagi isteri itu untuk berkahwin semula, sukar masyarakat menerimanya dan dia terasa terhina. Bagi isteri yang masih ada kedua ibu bapanya, dia boleh pulang ke pangkuan mereka tetapi sebaliknya yang tiada tempat mengadu dimana akan dicari tempat bergantung harapan. Bagi seorang isteri yang berakal dan tahu harga diri, maka

baginya lebih baik bermadu daripada berbuat nekad kembali ke pangkuan keluarga, kerana dia tetap mendapat hak sebagai seorang isteri menurut syariat islam dan tetapi dihormati oleh masyarakat sekeliling. Dengan ini jelaslah berpoligami dapat memberi kebajikan kepada perempuan dimana ia berterusan memperolehi hak-hak selaku isteri dan tetap mendapat nafkah zahir dan batin.

**KEDUA:** Isteri yang berpenyakit sama ada lumpuh, cancer dan lain-lain penyakit yang berterusan. Hal ini menyebabkan suaminya didalam delima sama ada terus bersama isterinya menanggung penderitaan atau diputuskan dengan cerai yang dibenci oleh Allah. Kiranya suami tersebut mengambil keputusan cerai, masyarakat akan menghukum bahawa suami tersebut tidak berperikemanusiaan kerana tidak berbudi dan mensia-siakan isterinya yang sakit yang tidak diminta itu. Islam memberi jalan poligami dalam cuba meleraikan delima ini kepada suami tersebut. Dalam pada itu suami terus berusaha dan berikhtiar untuk mengubatnya.

**KETIGA:** Ada pula orang dalam menjalankan tugas sehari-hari banyak berjalan, kadang-kadang dia dinegeri lain itu sampai berbulan-bulan lamanya. Sedang dia sendiri tidak sanggup membawa anak isterinya itu setiap kali dia berjalan. Dalam perjalanannya itu dia tidak sanggup hidup sendirian, mungkin tergoda oleh perempuan lain dengan cara yang menyimpang dari ketentuan hukum. Bagi menghindari terjebak ke lembah hina maka bila mengajurkan jalan keluar yang dibenarkan oleh agama iaitu berpoligami.

**KEEMPAT:** Ada pula hal-hal yang terjadi pada diri seseorang. Orang itu kuas nafsu kelaminnya. Baginya tidak cukup seorang isteri. Adakalanya isteri itu telah tua atau sakit dan adakalanya pula ada masa-masa menghalang membuat hubungan kelamin misalnya diwaktu haid dan nifas. Dalam hal ini tindakannya yang lebih baik ialah bersikap sabar.

### 1.3 AKIBAT-AKIBAT YANG LAHIR TANPA POLIGAMI

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa orang-orang Barat menganggap poligami yang terdapat didalam Islam itu adalah suatu tindakan yang tidak bermoral, tidak berperasaan atau tidak berperikemanusiaan. Bahkan mereka terus menerus mengutuk orang-orang Islam lantaran berpoligami. Akibatnya daripada apa yang mereka kutuk terhadap islam itu diperhatikan realiti yang terjadi dikalangan orang-orang barat adalah menyalahi prinsip-prinsip mereka sendiri yang kononnya mengutamakan monogami sahaja sebaliknya merekalah jaguh beristeri tetapi dikalangan orang-orang barat terjadi tanpa ada undang-undang yang mengaturnya, sepertimana yang terdapat didalam Islam. Ianya terjadi ikut sesuka hati mereka. Bukan atas nama beristeri secara sah tetapi atas nama berkawan, teman atau kenalan. Perhubungan bebas berlaku secara leluasa dikalangan mereka atas nama tersebut. Malah tidak cukup empat orang bahkan mungkin lebih dan tak terbatasi jumlahnya. Perhubungan ini memang dirahsiakan sehingga tidak seorangpun tahu terutama terhadap isteri mereka yang sah. Hal sedemikian sering didengar dan dibaca melalui akhbar-akhbar yang mendedahkan rahsia-rahsia mereka malah pemimpin-pemimpin ulung negara barat sendiri turut terjebak didalam skandal seks sehingga menggugat kedudukan mereka sendiri.

Didalam akhbar berita harian bertarikh 27.2.1993 melaporkan bilangan wanita tidak berkahwin yang melahirkan anak di Amerika Syarikat ketika ini adalah paling tinggi dalam sejarah negara itu, menurut laporan Pusat Kawalan Penyakit (CDC). Kira-kira 1,165,384 kelahiran dilaporkan dikalangan wanita yang tidak berkahwin pada 1990. Keseluruhannya 4,158,212 bayi dilahirkan 1990, pertambahan tiga peratus berbanding 1989 dan jumlah tahunan paling tinggi sejak 1962, walaupun kemungkinan wanita kulit hitam tidak berkahwin melahirkan anak tiga kali ganda lebih cerah berbanding kulit putih, kadar kelahiran kulit putih meningkat

lebih cepat pada 1980-an. Pada 1990, 67 peratus kelahiran dikalangan wanita kulit hitam membabitkan yang tidak berkahwin.

Inilah yang terjadi dikalangan orang-orang barat yang kononnya menentang poligami secara Islam. Apa yang kita nampak adalah lebih banyak keburukannya atau lebih tidak berperikemanusiaan. Biasanya mereka yang terjebak didalam kes ini bukan sekadar menggugat dan mengeruhkan harta si lelaki dan mencemarkan si perempuan itu sahaja. Malah lebihdaripada itu, selepas itu perempuan tersebut ditinggalkan didalam keadaan hina dan malu, merana, sakit, hamil lantas melahirkan anak yang tidak berbapa. Biasanya orang yang mensetubuhi perempuan ini tidak mengaku anak-anak yang lahir akibat hubungan seksual antara dia dengan ibu yang melahirkan. Masyarakat umum mengatakan anak-anak yang lahir itu anak zina, anak haram atau anak luar nikah.

Mengikut banci yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat Amerika tahun 1948, mengatakan bahawa anak-anak yang dilahirkan dengan tidak berayah di Amerika meningkat kepada 950,000 orang di Amerika. Di England pula kedapatan anak-anak yang dilahirkan di luar nikah adalah mengatasi berganda-ganda banyaknya daripada apa yang didapati di Amerika. Mengikut Lapuran Utusan Melayu keluaran Januari 1963, seorang daripada lapan orang kanak-kanak yang dilahirkan di London dalam tahun 1961 adalah anak-anak diluar nikah, Penyata ini dikeluarkan oleh Kerajaan mengikut penyata seluruh Majlis.

Menurut laporan akhbar Berita harian bertarikh 5 December 1992 menjelaskan problem dihadapi oleh negara-negara maju yang mengalami tekanan dan penganiayaan seks berleluasa terhadap wanita amat ketara sekali.

Penganiayaan seks terus berlaku ditempat kerja dinegara maju, tetapi hanya beberapa negara yang mempunyai undang-undang khas untuk membendung fenomena itu, menurut kajian Pertubuhan Pekerja Antarbangsa (ILO). Laporan 300 muka ILO yang dikeluarkan baru-baru ini berkata, kesedaran mengenai isu itu seharusnya sudah ada sejak lama dulu.

Amerika Syarikat sudah bersedia menghadapi masalah itu dengan undang-undang khas yang menyebut mengenai penganiayaan seks dan hukuman sewajarnya terhadap mereka yang didapati bersalah melakukannya, wanita Amerika kini lebih agresif dan berani jika mereka menjadi mangsa penganiayaan seks ketika mengemukakan dakwaan terhadap lelaki yang melakukan jenayah itu", kata Peguam hak asasi ILO, Constance Thomas.

ILO mendapati di 23 negara industri diseluruh dunia penganiayaan seks yang berlaku ditempat kerja adalah masalah yang mengganggu emosi dan menjejaskan prestasi pekerja wanita, " kata Pengarah Pertubuhan di Geneva, Michel Hansenne. Thomas berkata, perbezaan budaya mungkin menyebabkan definasi penganiayaan seks itu berbeza diseluruh dunia.

Undang-Undang baru di Perancis menjadikan penyelia mereka sebagai sasaran bukannya pekerja bawahan kerana mereka tidak mahu menjejaskan suasana kerja yang baik ditempat kerja.

Hanya tujuh daripada 23 negara yang dikaji selidik iaitu Australia, Kanada, perancis, New Zealand, Sepanyol, Sweden dan Amerika Syarikat mempunyai undang-undang yang khas menyebut penganiayaan seks, kata ILO. Dikebanyakan negara penganiayaan seks diselesaikan secara tidak langsung mengikut undang-undang lain seperti menyelesaikan masalah mereka yang disingkirkan secara tidak adil.

Antara keputusan kaji selidik: Konsep penganiayaan seks ini berasal dari Amerika Syarikat dan Mahkamah Persekutuan Amerika adalah yang pertama sekali menerima penganiayaan seks sebagai salah satu diskriminasi seks pada 1975. Dalam kaji selidik lagi, 42 peratus wanita melaporkan mengenai penganiayaan seks.

Di Austria, kajian 1986 mendapati 30.5 peratus wanita dilaporkan menjadi mangsa penganiayaan seks yang serius. Di Czechoslovakia kajian menunjukkan 17.5 peratus menjadi mangsa penganiayaan seks secara fizikal, 35.8 peratus secara lisan. Di Denmark, 11 peratus wanita yang disoal jawab pada 1991, berkata mereka mengalami penganiayaan seks ditempat kerja dan 8 peratus berkata mereka kehilangan kerja berikutan kejadian itu. Di Jerman, 6 peratus wanita pada 1990 berkata mereka meletakkan jawatan daripada sekurang-kurangnya satu kerja kerana tidak tahan dengan penganiayaan seks.

Kajian terbaru mendapati 21 peratus wanita Perancis, 58 peratus wanita Belanda dan 74 peratus wanita Britain mengalami penganiayaan seks ditempat kerja mereka, dan 27 peratus wanita Sepanyol juga turut menjadi mangsa penganiayaan seks secara lisan dan fizikal. Di Norway, 41 peratus wanita pada kaji selidik 1988 berkata, mereka sering diraba tanpa rela dan 38 peratus berkata mereka tertekan supaya bersetuju untuk mengadakan hubungan seks.

Jumlah ini menyakitkan mata kerana mereka yang melakukan penganiayaan seks tidak dihukum diatas perbuatan mereka," kata Thomas. Katanya 60 peratus kes penganiayaan seks ini tidak dilaporkan kerana wanita berasa malu dan bimbang undang-undang tidak dapat menghukum mereka yang terbabit. Katanya, ILO baru sahaja mengkaji sejauh mana penganiayaan seks ditempat kerja berlaku di Negara Ketiga. " Kami pasti akan berdepan dengan masalah yang lebih besar di negara membangun", katanya.